

AGRO

Oleh Muhamaad Razis Ismail
razis@hmetro.com.my

Teknik cantuman mata tunas semakin menjadi pilihan dalam kalangan pengusaha tanaman buah-buahan tempatan, khususnya bagi menghasilkan anak pokok berkualiti tinggi.

Kaedah ini terbukti berkesan dalam memastikan anak pokok mewarisi hampir sepenuhnya ciri-ciri unggul daripada induk.

Ia sesuai diamalkan pada pokok yang memiliki sistem akar tunjang seperti durian, mangga dan rambutan kerana strukturnya yang lebih kukuh serta stabil.

Dengan sistem akar yang mantap, proses cantuman menjadi lebih mudah dan pertumbuhan selepas cantuman juga lebih memberangsangkan.

Teknik ini digunakan secara meluas dalam pembiakan varieti premium seperti durian musang king atau nama klonnya, D197.

Melalui cantuman mata tunas, anak pokok boleh dihasilkan dalam kuantiti besar tanpa menjejaskan pokok induk.

Penolong Pegawai Pertanian, Pusat Pertanian Putra, Universiti Putra Malaysia (UPM), Mohd Rosman Jamaludin

BUAH DIHASILKAN LEBIH BERMUTU

Kaedah cantuman mata tunas digunakan secara meluas dalam pembiakan varieti premium seperti durian musang king

FOTO: INSAN PUSAT STRATEGI DAN PERKHIDMATAN KOBPOBAT & NSEP

MOHD Rosman menunjukkan anak pokok durian di Pusat Pertanian Putra.



TEKNIK cantuman mata tunas dapat memastikan hasil berkualiti.



NURSERI durian di Pusat Pertanian Putra.

Pencahayaan juga perlu dikawal, idealnya sekitar 50 peratus bagi memastikan pertumbuhan tunas yang sihat dan stabil

MOHD
ROSMAN

berkata, teknik ini mampu menghasilkan pokok yang 80 hingga 90 peratus menyerupai pokok asal.

"Proses ini membabitkan pemindahan mata tunas daripada pokok induk ke pokok penanti yang sesuai bagi memastikan tunas itu dapat tumbuh dengan baik serta mengekalkan ciri-ciri unggul pokok induk.

"Teknik cantuman mata tunas bukan sahaja memastikan hasil berkualiti, malah mempercepatkan tempoh berbuah berbanding penanaman melalui biji benih yang biasanya mengambil masa lebih lama dan menghasilkan buah tidak menentu kualitinya," katanya.

Menurutnya, pokok yang ditanam menggunakan biji benih mengambil masa lebih lama untuk berbuah dan kualiti buahnya juga tidak menentu.

Teknik cantuman mata tunas juga membantu mempercepatkan tempoh matang pokok serta

menjamin konsistensi daripada segi rasa, saiz dan warna buah," katanya.

Menurutnya, kekurangan tenaga kerja yang mahir dalam teknik cantuman adalah salah satu cabaran utama yang dihadapi dalam industri pembiakan pokok buah-buahan.

"Apabila bilangan tenaga kerja yang berkemahiran semakin berkurangan, kadar kejayaan cantuman akan menurun secara signifikan.

"Situasi ini membawa kepada pengurangan kuantiti anak pokok yang boleh dihasilkan, sekali gus memberi kesan negatif terhadap kualiti keseluruhan bahan tanaman yang dihasilkan," katanya.

Selain itu, pemilihan waktu yang sesuai turut memainkan peranan besar dalam menentukan kejayaan cantuman mata tunas.

Bellau berkata, proses ini sebaik-baiknya dijalankan

pada awal pagi atau lewat petang.

"Pencahayaan juga perlu dikawal, idealnya sekitar 50 peratus bagi memastikan pertumbuhan tunas yang sihat dan stabil," katanya.

Tambahnya, selain daripada kaedah cantuman mata tunas itu sendiri, kualiti buah juga sangat bergantung kepada cara penyelenggaraan pokok oleh petani.

"Jika pengusaha ingin menanam pokok durian varieti raja kunyit atau musang king, mereka disarankan untuk mendapatkan anak pokok yang tulen dan disahkan bagi memastikan klon ditanam benar-benar menepati ciri-ciri diingini pasaran.

"Daripada segi pengurusan ladang pula, petani perlu lebih berhati-hati dalam membeli anak pokok kerana jika tersalah memilih, mereka mungkin menanam klon yang tidak tepat," katanya.